



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**12 OKTOBER 2018 (JUMAAT)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |                                    |    |
|------------------------------------|----|
| - Tiada caj RM1 bagi tambah nilai  | 19 |
| - Hasrat miliki taman kucing gagal | 22 |



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
12 OKTOBER 2018 (JUMAAT)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Tiada caj RM1 bagi tambah nilai
Muka Surat	19

SINAR HARIAN • JUMAAT 12 OKTOBER 2018

HUBUNGI SKUAD SENTRAL NUR FARHANA ABDUL MANAN- 019-6680275, NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN 019-9882695, NORAFIZA JAAFAR - 019-

SH 12/10/18 m/s 19  
**Tiada caj RM1 bagi tambah nilai**

**SHAH ALAM** - Dalam usaha untuk meningkatkan penggunaan aplikasi Smart Selangor Parking (SSP), kerajaan negeri dengan kerjasama Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) mengecualikan caj RM1 ke atas setiap tambah nilai bermula 10 Oktober ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han berkata, usaha tersebut diambil sebagai langkah untuk mengurangkan jumlah penggunaan kertas karbon bagi pembayaran parkir di enam kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini.

"Melalui sistem SSP ini, kita berjaya mengurangkan penggunaan kertas lebih kurang 62,233 kilogram.

"Menerusi pengecualian caj bayaran RM1 bagi tambah nilai ini, Kerajaan Selangor berharap lebih ramai pengguna akan menggunakan aplikasi ini," katanya.

Difahamkan, enam PBT



**Menerusi pengecualian caj bayaran RM1 bagi tambah nilai ini, Kerajaan Selangor berharap lebih ramai pengguna akan menggunakan aplikasi ini.** "-Sze Han

yang melaksanakan penggunaan SSP adalah Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Majlis Perbandaran Sebayang (MPS).

Sze Han yang juga merupakan Adun Kinrara berkata, penggunaan sistem parkir berkupon masih diteruskan seperti biasa untuk menge-

lakkan kesulitan.

"Buat masa ini, Kerajaan Selangor belum memutuskan untuk memansuhkannya lagi dan ia akan diteruskan," katanya.

Beliau berkata, aplikasi SSP memudahkan pengguna kerana mereka tidak perlu menggunakan wang syiling bagi membayar caj parkir kendaraan dan sebagainya.

Katanya, Kerajaan Selangor turut menerima maklum balas positif sejak inisiatif SSP diperkenalkan 1 Julai lalu.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**12 OKTOBER 2018 (JUMAAT)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Hasrat miliki taman kucing gagal
Muka Surat	22

# Hasrat miliki taman kucing gagal

Jamil Kucing dakwa lokasi itu kini jadi pusat khidmat masyarakat

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Impian seorang aktivis penyelamat kucing terbiar, Jamil Ismail untuk memiliki taman rekreasi bagi menempatkan kucing terbiar tidak menjadi kenyataan.

Jamil atau lebih dikenali sebagai Jamil Kucing mendakwa, taman rekreasi kucing itu kini telah dijadikan Pusat Khidmat Masyarakat Dun Bulkit Antarabangsa.

"Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mendakwa penduduk sekitar membantah pembinaan taman rekreasi tersebut.

"Saya terkena dan sedih dengan keputusan tersebut. Sepertinya bantahan penduduk diusulkan kepada MPAJ sebelum pembinaan taman rekreasi, namun bantahan



Lokasi taman rekreasi kucing yang dianggarkan kira-kira RM200,000.

dibangkitkan oleh mereka selepas projek itu siap sepenuhnya," katanya.

Jamil yang juga Pengasas Jamil Kucing Cat Rescue Animal Care berkata, beliau kini memiliki 120 kucing terbiar yang memerlukan tempat selesa dan selamat.

Bagaimanapun menurut Jamil, beliau gusar kerana tiada lokasi yang lebih baik untuk menempatkan kesemua haiwan kesayangannya.

"MPAJ juga memaklumkan

tiada cadangan lokasi lain bagi merealisasikan taman rekreasi kucing itu," katanya.

Beliau berkata, taman rekreasi berkenaan siap dibina penghujung Disember lalu dengan sokongan dan bantuan bekas Adun Sungai Kandis, Allahyarham Shuhaimi Shafee.

"Projek pembinaan taman tersebut merupakan hasil peruntukan daripada kerjaan negeri yang dianggarkan kira-kira RM200,000. Perancangan untuk membina ta-

man rekreasi itu bermula sejak tiga tahun lalu.

"Allahyarham telah menghantar permohonan untuk membina taman rekreasi itu kepada semua pihak berkuasa tempatan di Selangor. Selepas setahun, hanya MPAJ yang memberi respons," katanya.

Jamil memberitahu, MPAJ pada mulanya mencadangkan dua lokasi pembinaan taman rekreasi kucing iaitu di Taman Keramat dan Ampang Jaya.

"Lokasi di Taman Keramat tidak sesuai kerana jaraknya hampir dengan kawasan perumahan, manakala di Ampang Jaya pula merupakan lokasi sebuah dewan terbiar serta menjadi sarang penagih dadah sejak lima tahun lalu," katanya.

Menurutnya, beliau sudah membawa isu itu kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan berharap dapat diselesaikan segera.



Jamil bersama sebahagian kucing yang diselamatkan.